

PM umum penubuhan Kursi Dr. Fuat Sezgin

um-9/1/2007

KUALA LUMPUR 8 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengumumkan penubuhan Kursi Profesor Dr. Fuat Sezgin bagi membolehkan ilmu dan kajian profesor itu dikongsi bersama dengan sarjana tempatan.

Penubuhan kursi itu diumumkan pada majlis Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Sains kepada Profesor Dr. Fuat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KL-CC) di sini.

Pada majlis itu, Dr.

Fuat, 83, yang menumpukan hampir 30 tahun dalam ilmu sejarah sains Islam turut menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Sains UTM daripada Perdana Menteri.

Penganugerahan itu turut disaksikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Jamaludin Jarjis, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Naib Canselor UTM, Datuk Profesor Ir. Dr. Mohd. Zulkifli Mohd. Ghazali.

Kursi tersebut ditubuhkan di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam merealisasikan hasrat melahirkan sarjana sains Islam yang unggul selain memperkasa modal insan negara di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Mohd. Zulkifli berkata, pihak universiti begitu komited untuk memastikan nilai dan prinsip Islam dibangunkan, dimakmurkan dan diperkembangkan terutamanya kepada generasi muda.

Prinsip

"Pemilihan Kursi Fuat Sezgin di UTM yang saya percaya adalah satu langkah bijak dalam mengekalkan tradisi dan falsafah kami berdasarkan kepada prinsip Islam," katanya dalam ucapan dan ucap jasa pada majlis penganugerahan itu.

Majlis tersebut diadakan sempena Pameran Kegemilangan Sains Dalam Tamadun Islam, Sains Islam Mendahului Zaman di pusat konvensyen itu.

Dr. Fuat dilahirkan pada 24 Oktober 1924 di Istanbul, Turki. Beliau merupakan seorang doktor falsafah lulusan Universiti Istanbul, Turki dalam bidang Bahasa dan Kesusasteraan Arab, Bahasa dan Kesusasteraan Parsi, Islamologi serta Matematik.

Beliau memegang jawatan sebagai seorang profesor di Fakulti Falsafah, Universiti Istanbul dari tahun 1961-1963.

Dr. Fuat merupakan Pengasas dan Pengarah Kehormat Institut Sejarah Sains Arab-Islam yang diasaskan pada tahun 1982 di Johann Wolfgang Goethe, Universiti Frankfurt, Jerman.

Antara karya yang dihasilkan beliau ialah buku *Buhdri nin kay naklan hakkinda arastirmalar* yang bermaksud 'Sumber-sumber al-Bukhari' diterbitkan pada 1956 di Istanbul, naskhah *Sejarah Sains Arab* yang telah diterbitkan sebanyak 13 jilid dari tahun 1967 hingga 1995 serta penerbitan sebanyak lima jilid *Sains dan Teknologi Dalam Islam*.

Antara anugerah yang pernah diperoleh beliau ialah pemenang tempat pertama Hadaiah King Faisal untuk pengajian Islam pada 1978, Pingat Goethe (1979), Anugerah Kelas Pertama Persekutuan Perkhidmatan Palang dari Persekutuan Republik Jerman (1982) serta anugerah Palang Utama Perkhidmatan Kehormat *Order of Merit*, Persekutuan Republik Jerman (2001).



DR. FUAT SEZGIN